

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN
IKOM
KAWASAN : SARATOK
TARIKH : 10.11.2016 (Khamis)
NO. SOALAN : 35

SOALAN

YB TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berkenaan dengan status terkini tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam memenuhi kehendak peruntukan dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani pada 4 Februari 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 hanya akan berkuat kuasa apabila kesemua 12 negara anggotanya selesai melalui proses ratifikasi dalam tempoh 24 bulan dari tarikh perjanjian ini ditandatangani.

2. Sekiranya ini tidak tercapai, perjanjian TPPA hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPPA berjaya meratifikasikan perjanjian tersebut.

3. Berdasarkan persefahaman sedia ada di antara negara-negara ahli, TPPA dijangka akan berkuat kuasa pada tahun 2018, sekiranya semua proses ratifikasi perjanjian berjalan dengan lancar.

4. Seperti negara-negara TPP yang lain, Malaysia perlu meminda beberapa perundangan dan peraturan sedia ada bagi memenuhi obligasinya di bawah TPPA. Seperti mana yang pernah dimaklumkan di dalam dewan yang mulia ini, sebanyak 18 undang-undang perlu dipinda terutamanya berkaitan bab buruh, hak harta intelek dan pentadbiran kastam. Kesemua pindaan tersebut telah mengambil kira maklum balas dan pandangan yang diterima daripada *stakeholders* yang berkepentingan serta cadangan penambahbaikan keberkesanan undang-undang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

5. Adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk memastikan bahawa prosedur pindaan undang-undang tersebut dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah penting supaya semua pindaan dapat dibentangkan di Parlimen, selewat-lewatnya pada suku kedua 2017. Bagi tujuan tersebut, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat sedang mengambil tindakan yang

sewajarnya untuk merangka dan memuktamadkan pindaan undang-undang yang berkaitan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara.

6. Sesungguhnya adalah sangat merugikan jika Malaysia tidak berupaya meraih manfaat penuh daripada perjanjian TPPA yang telah dirundingkan selama lebih daripada lima tahun ini kerana gagal memenuhi kehendak peruntukan yang telah dipersetujui. Malaysia sama sekali tidak mahu ketinggalan apabila perjanjian ini dikuatkuasakan kelak sekiranya semua negara TPP lain berjaya meratifikasi perjanjian dalam tempoh ditetapkan.

Terima kasih.